

5226/2
TASAWWUR ISLAM
Kertas 2
Ogos
2016
2 ½ jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2016

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **tujuh** soalan.
2. **Soalan 1 mesti dijawab**. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.
3. Kesemuanya **lima** soalan yang mesti dijawab.

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak. 3 halaman tidak bercetak.

Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya

- 1 (a) (i) Apakah maksud Rububiyah? [2 markah]
(ii) Nyatakan **dua** konsep Rububiyah. [2 markah]
- (b) Jelaskan **dua** perbezaan di antara orang yang beragama dengan orang yang tidak beragama. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** peranan mukjizat. [4 markah]
- (d) Jelaskan **dua** kepentingan hadis sebagai rujukan selepas al-Quran. [4 markah]
- (e) Islam tidak menyekat kebebasan berbudaya dalam kalangan umatnya asalkan selari dengan tuntutan syarak.
Bagaimanakah cara untuk mengekalkan budaya Islam dalam ledakan budaya moden kini. [4 markah]
- 2 (a) (i) Jelaskan **dua** prinsip Rabbaniyyah. [4 markah]
(ii) Terangkan **dua** cara untuk memperoleh sifat Rabbaniyyah dalam diri. [4 markah]
- (b) (i) Jelaskan bukti ajaran Islam bersifat 'Alamiyyah dalam bidang berikut:
(a) Perundangan [4 markah]
(b) Sosial
(ii) Nyatakan **empat** hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam. [4 markah]
- (c) Thabat ialah ajaran Islam tetap dan tidak berubah dalam apa jua keadaan, contohnya perkara akidah, hukum wajib dan sebagainya.
Bincangkan perkaitan antara thabat dengan murunah dari aspek berikut:
i- pakaian
ii- ibadah [4 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

- 3 (a) (i) Islam telah menetapkan syarat-syarat untuk menjadi ketua negara atau khalifah.
Nyatakan **empat** syarat menjadi khalifah. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** implikasi sekiranya pemimpin negara mengabaikan tanggungjawab terhadap negara. [4 markah]
- (b) (i) Jelaskan **dua** prinsip sistem kehakiman Islam. [4 markah]
- (ii) Hakim bertanggungjawab untuk menjatuhkan hukuman secara adil dan saksama.
Bincangkan implikasi kepada masyarakat sekiranya hakim tidak melaksanakan tanggungjawab tersebut. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** peranan individu terhadap keluarga bagi merealisasikan sistem sosial Islam. [4 markah]
- 4 (a) (i) Nyatakan pengertian harta menurut Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** sebab harta merupakan amanah Allah kepada manusia. [4 markah]
- (b) Terangkan **dua** langkah bagi membendung pencerobohan harta. [4 markah]
- (c)

Bekerja mempunyai matlamat tersendiri untuk kebaikan diri, masyarakat dan negara.

Bincangkan kepentingan bekerja kepada pembangunan negara. [4 markah]
- (d) Terangkan **tiga** perbezaan antara muamalah Islam dengan muamalah konvensional. [6 markah]

- 5 (a) Huraikan **dua** cara untuk memelihara akal mengikut syariat Islam. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan pengertian fikah berserta contohnya. [4 markah]
(ii) Terangkan **dua** keperluan fikah kepada kehidupan muslim. [4 markah]
- (c) Perbuatan haram merupakan larangan Allah yang mesti ditinggalkan seperti pengharaman zina. [4 markah]
- Pada pendapat anda, mengapakah Islam melarang umatnya melakukan perbuatan haram.
- (d) Islam menuntut umatnya supaya berkahwin.
Huraikan **dua** tujuan perkahwinan dalam Islam. [4 markah]
- 6 (a) (i) Jelaskan **dua** sebab perlunya penyelesaian masalah dilakukan berasaskan Islam. [4 markah]
(ii) Senaraikan **empat** langkah penyelesaian masalah menurut Islam. [4 markah]
- (b) Islam menitikberatkan keselamatan terhadap agama, nyawa, akal, harta, maruah dan negara.
Nyatakan **dua** cara mewujudkan jaminan keselamatan. [2 markah]
- (c) Islam menggalakkan umatnya supaya berusaha memantapkan ekonomi bagi mengatasi masalah kemiskinan dalam masyarakat.
- (i) Terangkan **dua** cara Islam menyelesaikan masalah kemiskinan dalam masyarakat. [4 markah]
- (ii) Cadangkan sumbangan yang boleh anda lakukan untuk mengukuhkan ekonomi negara. [6 markah]

- 7 (a) (i) Jelaskan **dua** kesan melakukan ibadat tanpa berpandukan syariah. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **empat** perkara yang merosakkan ibadat. [4 markah]
- (b) Terangkan **dua** kepentingan hukum Qisas. [4 markah]
- (c) Jelaskan **dua** ciri muamalah Islam. [4 markah]
- (d) Kepelbagaian jenis muamalah Islam dapat memajukan ekonomi dan memberikan kesan baik kepada individu, masyarakat dan negara. Cadangkan usaha yang boleh anda lakukan bagi mendorong masyarakat bermuamalah secara Islam. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT